Tumpu perhatian laksana dasar kerajaan

UM - 3 FEB 2003

Oleh ZULKIFLI JALIL DAN ANI AWANG

KEPALA BATAS 2 Feb. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua menteri dan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) supaya jangan mempedulikan sama ada mereka terpilih atau tidak bagi menganggotai Kabinet dan menjadi calon pilihan raya selepas Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri yang bakal mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebaliknya meminta para pemimpin berkenaan memberi tumpuan melaksanakan segala dasar kerajaan sedia ada.

Menurut beliau, sekarang bukan masanya untuk memikirkan kesemua itu memandangkan kepimpinan negara masih diterajui oleh Dr. Mahathir.

Abdullah menyatakan bahawa beliau memahami kenyataan mahu mengundur diri secara sukarela oleh beberapa pemimpin kerajaan negeri termasuk wakil rakyat baru-baru ini bertujuan memberi peluang kepadanya menyusun barisan baru kerajaan selepas peralihan pucuk pimpinan nanti.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, walaupun kenyataan pemimpin terbabit ikhlas tetapi sekarang bukan masanya untuk memikirkan perkara tersebut kerana banyak tugas yang perlu diperjuangkan oleh parti.

"Lagipun kepimpinan Dr. Mahathir masih berterusan waktu ini. Kita mesti terus beri sokongan kepada beliau dan melaksanakan kerja-kerja yang diarah oleh Perdana Menteri sehinggalah sampai masanya bila beliau kata akan bersara.

"Selepas itu kita fikirlah tentang perkara itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA Kepala Batas di Penang Golf Resort di sini hari ini.

Abdullah mengulas kenyataan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik semalam bahawa semua anggota Kabinet Dr. Mahathir mesti turut berundur apabila beliau melepaskan jawatannya pada Oktober ini.

Menurut Keng Yaik, ia merupakan simbolik proses peralihan kuasa yang telah menjadi prinsip dan amalan negara demokrasi berparlimen termasuk Malaysia.

"Pengunduran semua menteri itu akan membolehkan Datuk Seri Abdullah selaku Perdana Menteri baru membentuk Kabinet beliau sendiri," kata beliau.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, banyak 'kenyataan mengundur diri dan meletak jawatan' yang dikeluarkan oleh pemimpin dan wakil rakyat BN sebenarnya adalah ekoran tindak balas mereka terhadap kenyataan Dr. Mahathir yang menyambut baik hasrat mereka mahu berbuat demikian.

Namun dalam hubungan ini, tegas beliau, Perdana Menteri telah membuat penjelasan terhadap perkara itu sebanyak tiga kali termasuk menasihati para pemimpin UMNO dan BN supaya berhenti membuat kenyataan berhubung kesediaan mereka untuk berundur pada pilihan raya akan datang.

Menurut Abdullah, kenyataan Keng Yaik itu adalah pandangan peribadi beliau sendiri.

Kata beliau: "Dia sendiri pun menyatakan dalam soal nak letak jawatan, dia tidak akan buat pengumuman.

Isu pengunduran secara sukarela dan meletak jawatan pada pilihan raya umum akan datang yang dikeluarkan oleh beberapa pemimpin UMNO dan BN bermula apabila Dr. Mahathir menyambut baik keputusan mereka untuk berundur dan tidak bertanding bagi memberi peluang kepada Abdullah 'mengatur segala-galanya' selepas Oktober ini.

Namun beberapa hari kemudian, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa berlaku salah faham media terhadap kenyataannya yang menyokong tindakan pemimpin terbabit untuk berundur dan Perdana Menteri mahu kenyataan seumpama itu harus dihentikan segera.

Antara pemimpin yang membuat kenyataan mahu meletak jawatan ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.